

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

5. Nyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah penggunaan bubi naga dan pukat sorong yang menjelaskan nelayan tradisional, malah turut menjelaskan ekosistem.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang memandang serius serta komited dalam menangani masalah penggunaan bubi naga dan pukat sorong yang menjelaskan nelayan tradisional dan turut menjelaskan ekosistem. Umum mengetahui bahawa penggunaan bubi naga dan pukat sorong memberi kesan negatif terhadap sumber perikanan di mana benih-benih ikan serta ikan-ikan yang masih bersaiz kecil akan ditangkap jika menggunakan dua peralatan tersebut. Ia malahan boleh menimbulkan isu sosial di kalangan nelayan bubi naga dan pukat sorong dengan nelayan-nelayan tradisi yang mengusahakan pukat hanyut.

Bagi masalah pukat sorong / rawa sorong di Pulau Pinang masih terkawal kerana Jabatan Perikanan telah menjalankan langkah-langkah pencegahan awal dari masa ke semasa seperti menyita peralatan pukat sorong supaya peralatan ini tidak berleluasa. Pada tahun 2017 kes tangkapan berkaitan dengan pukat rawa sorong adalah sebanyak 3 kes. Untuk tahun 2018 hingga awal tahun 2020

ini tidak ada lagi aduan atau kes berkaitan pukat rawa sorong di Pulau Pinang.

Manakala bagi menangani masalah penggunaan bubu naga, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sering menjalankan operasi-operasi bersepadu terutamanya dengan kerjasama erat daripada Pasukan Polis Marin Pulau Pinang demi memastikan aktiviti bubu naga ini dapat dibenteras. Jabatan Perikanan Malaysia juga mengambil tindakan membuat pindaan dasar pelesenan perikanan dengan menetapkan secara jelas syarat spesifikasi untuk peralatan bubu yang dileSENKEN hanya bubu yang mempunyai tidak lebih daripada dua (2) injap (bubu tradisional).

Sebagai rekod, pada tahun 2018 terdapat sebanyak 119 kes melibatkan bubu naga dengan jumlah rampasan 1,149 unit bubu tersebut, manakala pada tahun 2019 pula melibatkan 53 kes dengan rampasan sebanyak 841 unit bubu naga. Yang terkini Jabatan Perikanan telah merampas sebanyak 454 unit bubu naga bagi Januari hingga Mac 2020. Kesalahan yang disabitkan adalah di bawah Seksyen 11(3) (C) Akta Perikanan 1985. Dan sekiranya didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM 20,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.